

24/05/2003

Peluang jadi juruterbang pesawat ringan

Daud Awang

BERMINAT menjadi juruterbang? Kini peluang terbuka luas dengan yuran penyertaan RM4,500, anda boleh menjadi juruterbang pesawat ringan (microlight).

Kelab Penerbangan 4B Malaysia, beroperasi di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka kini membuka penyertaan kepada mereka yang berumur 17 tahun ke atas untuk menyertai kelab berkenaan.

Untuk layak menjadi juruterbang pesawat ringan, anda hanya perlu melakukan penerbangan selama 30 jam termasuk 15 jam dengan dibantu jurulatih penerbangan.

Selepas terbang selama 15 jam, anda dibenarkan memandu sendiri pesawat ringan tanpa bantuan jurulatih untuk menyelesaikan baki 15 jam yang perlu dihabiskan sebelum ditauliahkan oleh Jabatan Penerbangan Awam (JPA) sebagai juruterbang pesawat ringan.

Kelab Penerbangan 4B Malaysia dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mei 1996.

Objektif utama penubuhan kelab itu ialah mengembangkan ilmu penerbangan

di kalangan belia termasuk melatih, mereka bentuk, memasang dan membina pesawat ringan jenis microlight.

Ketika ini, sebanyak tujuh pesawat microlight digunakan oleh kelab penerbangan itu dengan lebih 150 belia mengikuti latihan di kelab itu sejak pelancarannya.

Pesawat ringan itu dibeli daripada syarikat Quicksilver Manufacturing bernilai antara RM40,000 hingga RM60,000 setiap satu terdiri daripada dua pesawat satu tempat duduk, GT400 dan MX Sports serta lima pesawat dua tempat duduk MXII Sprint.

Ketua jurulatih penerbangan kelab berkenaan, Kapten Roizan Ahmad, 35, berkata ramai belia berminat menjadi juruterbang tetapi mereka menganggap perlu mempunyai wang yang banyak untuk menyertainya.

Beliau berkata, lazimnya kelab penerbangan komersial mensyaratkan yuran latihan penerbangan RM25,000 tetapi berbeza dengan Kelab Penerbangan 4B yang mensyaratkan RM4,500 sebagai yurannya.

Katanya, jika mereka tidak mampu tetapi masih berminat, pihak kelab membenarkan peserta terbabit membayar tiga kali secara ansuran mengikut kemampuan masing-masing.

Selain itu, katanya, yuran keahlian yang ditetapkan ialah RM200 dan yuran bulanan RM20.

"Matlamat penubuhan kelab ini bukan untuk mencari keuntungan.

Sebaliknya

ia semata-mata untuk mengembangkan ilmu penerbangan di kalangan anak muda terutama belia.

"Peluang ini sepatutnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh belia terutama yang

tinggal di Melaka, Seremban dan Lembah Klang," katanya.

Masa latihan penerbangan ialah mulai jam 7 pagi hingga 8 pagi dan 5.30 petang hingga 7 petang setiap hari kecuali Selasa.

Sementara itu, Timbalan Presiden 4B Malaysia, Hasan Abdul Rahman, berkata pihaknya bersedia menawarkan pinjaman pendidikan kepada belia yang berminat menyertai kelab itu.

"Kerajaan negeri melalui Tabung Pendidikan negeri sedia memberi pinjaman kepada belia jika mereka betul-betul berminat menyertai kelab ini.

"Mereka sepatutnya memanfaatkan pinjaman ini dengan mempelajari ilmu penerbangan daripada menghabiskan masa menyertai perlumbaan haram atau melakukan kegiatan tidak berfaedah," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kelab penerbangan itu kini mengambil langkah mempromosi secara besar-besaran bagi menarik lebih ramai belia menyertai kelab itu pada masa depan.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Zaini Md Nor, 42, dan Imam Besar Masjid Al-Azim, Melaka, Mohammad Hashim, 37, adalah antara ahli baru kelab ini.

Mereka yang berminat dan ingin mendapatkan keterangan lanjut boleh hubungi 06-3176717 atau Kapten Roizan 013-6845163.